

**PENEMUAN TINJAUAN PENDAPAT UMUM**

# BERSEMPENA SAMBUTAN HARI BAPA PERINGKAT KEBANGSAAN 2021

*"Bapa Pemimpin Keluarga Sejahtera"*

Terbitan: Jun 2021

**Bersempena dengan sambutan Hari Bapa Peringkat Kebangsaan 2021, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menjalankan satu tinjauan pendapat umum melalui kaedah tinjauan dalam talian bagi mendapatkan informasi terkini berkaitan golongan bapa dan institusi kekeluargaan dalam negara, khususnya dalam menjalani kehidupan norma baharu pandemik Covid-19. Tinjauan ini melibatkan sejumlah 1,776 orang responden yang merupakan para bapa warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan keatas yang mempunyai anak berumur 3 hingga 24 tahun sahaja pada 14 sehingga 18 Jun 2021.**



## PERANAN BAPA DALAM KELUARGA (SIHAT DAN SEJAHTERA)

| Peranan | Sebelum pandemik: Bapa | Sebelum pandemik: Ibu | Sebelum pandemik: Bersama | Semasa pandemik: Bersama | Semasa pandemik: Ibu | Semasa pandemik: Bapa |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Melakukan tugasan rumah termasuk mengemas, memasak dan mencuci pakaian. | 2.5% | 30.2% | 67.3% | 76.4% | 20.3% | 3.4% |
| Menjana dan menguruskan kewangan keluarga. | 28.5% | 5.0% | 66.6% | 69.5% | 5.2% | 25.2% |
| Memastikan keperluan harian mencukupi. | 29.9% | 7.5% | 62.6% | 68.1% | 6.5% | 25.4% |
| Memastikan pendidikan anak-anak terjaga. | 5.1% | 12.4% | 82.4% | 85.9% | 9.5% | 4.6% |
| Memastikan ahli keluarga sentiasa berada dalam keadaan yang sihat, baik, dan selamat | 9.1% | 4.7% | 86.2% | 88.3% | 4.0% | 7.7% |

**Sebelum pandemik** | **Semasa pandemik**

Petunjuk: **Bapa** | **Ibu** | **Bersama**

**DUA kaedah utama perkongsian maklumat oleh para bapa berkaitan Covid-19 kepada ahli keluarga:**



**30.1%** berbual akan bahaya jangkitan dan pentingnya untuk sentiasa berada dalam keadaan sihat.



**28.4%** berkongsi maklumat melalui media social (termasuk *Whatsapp, Facebook* dan *Telegram*).

**60.2%** para bapa mempunyai gaya kebapaan yang membenarkan anak-anak melakukan kesilapan, namun kesilapan tersebut harus dipelajari dan tidak diulang (*Authoritative Dolphin*).



**Hanya 3.4%** para bapa yang membenarkan anak-anak untuk bebas berdikari melakukan apa sahaja dikehendaki oleh mereka (*Negligent Panda*).

## KESEJAHTERAAN BAPA DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN

**53.4%**
Menyatakan tahap kesejahteraan sebagai seorang bapa semakin baik meskipun selepas Covid-19 melanda.

**49.7%**
Menyatakan kesihatan dan keselamatan ahli keluarga adalah perkara paling membimbangkan para bapa.

**Perkara yang ingin dilakukan atau diharapkan pada Hari Bapa:**

**51.4%** menyatakan mencukupi dengan sekadar ucapan atau kata-kata semangat bagi mengingati pengorbanan bapa.

**15.5%** ingin pulang kerumah keluarga sendiri dan menghabiskan masa bersama ahli keluarga lain.

**10.0%** ingin melancong dalam negara.

## CABARAN DAN PERSEDIAAN BAPA BERKAITAN TEKNOLOGI DIGITAL

**TIGA perkara utama yang membimbangkan para bapa berkaitan penggunaan peranti digital/gajet:**

**62.9%**
ketagihan penggunaan.

**55.5%**
terdedah dengan pengaruh negatif media sosial/ laman web tidak terkawal.

**46.2%**
leka terhadap pembelajaran.

**TIGA cabaran Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kepada para bapa:**

**75.8%** perlu meningkatkan akses internet.

**65.5%** perlu membuat pembelian tambahan peranti/gajet dan perisian computer untuk anak- anak.

**32.3%** kurang kemahiran dengan kaedah dan perisian yang digunakan untuk PdPR.

**77.4%**
bapa membenarkan anak-anak mempunyai peranti/gajet.

**89.7%**
penggunaan peranti/gajet oleh anak-anak adalah sebagai medium pembelajaran.

**Kaedah para bapa memantau anak-anak dalam penggunaan peranti digital:**

**77.1%**
menghadkan masa penggunaan.

**38.0%** menghadkan kegunaan tidak melebihi 4 jam dalam sehari.

**49.7%**
memeriksa perisian peranti anak-anak.
.

LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA

**Untuk keterangan lanjut:**
Bahagian Penyelidikan Kependudukan dan Keluarga
LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat